

Tajuk : Anak Penan pertama masuk 'U'  
-Berjalan kaki seminggu dalam hutan ke sekolah kuatkan semangat

12

**SARAWAK**

Selasa  
10 April 2012

**BERITA HARIAN**

# Anak Penan pertama masuk 'U'

## Berjalan kaki seminggu dalam hutan untuk ke sekolah kuatkan semangat



### Personaliti

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad  
amifaiz@bharian.com.my

**G**IGIH berjalan kaki selama seminggu semata-mata kerana ingin menuntut ilmu di Sekolah Menengah Bario dan hanya pulang ke kampung halaman setahun sekali, nyata membuah hasil buat Ezra Uda, 35, yang menjadi anak Penan pertama bergelar graduan.

Lebih mengembirakannya, beliau juga menjadi anak Penan pertama bekerja sebagai Pegawai Tadbir di Jabatan Ketua Menteri Sarawak.

Mengimbau kembali kenangan sekitar 1986, Ezra bersama sembilan rakannya terpaksa menempuh perjalanan memeritkan, membawa bersama peralatan berkhemah seperti kanvas selain tiga cupak beras sebagai pengalasan perut semasa tujuh hari berada di hutan.

"Perjalanan begitu memenatkan sebab ketika itu, kami baru berusia 13 tahun. Namun itu bukan penghalang kerana saya yakin hanya pendidikan mampu mengubah kehidupan kaum Penan yang sehingga kini masih bergantung harap dengan hasil hutan saja.

"Hanya lima rakan sebaya berjaya menamatkan persekolahan peringkat menengah sehingga tamat STPM sebelum saya diterima masuk Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sekitar 2000," katanya.



### PROFIL

- **Nama:** Ezra Uda
- **Tarikh Lahir:** 26 Oktober 1977
- **Tempat Lahir:** Kampung Ulu Baram, Long Lamai
- **Pendidikan:** Ijazah Politik dan Pemerintahan UNIMAS
- **Pekerjaan:** Pegawai Tadbir di Jabatan Ketua Menteri

Walaupun mendapat keputusan agak cemerlang pada STPM, Ezra tidak tahu saluran tepat untuk memohon masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).



*Perjalanan begitu memenatkan sebab ketika itu, kami baru berusia 13 tahun. Namun itu bukan penghalang kerana saya yakin hanya pendidikan mampu mengubah kehidupan kaum Penan yang sehingga kini masih bergantung harap dengan hasil hutan saja*

**Ezra Uda**  
Anak Penan

"Saya seorang diri ke Kuching dan ke setiap pejabat kerajaan termasuk Pejabat Daerah bertanya bagaimana mahu memohon masuk universiti, tetapi tidak mendapat kerjasama. Mujurlah bertemu seorang pensyarah UNIMAS di bandaraya Kuching yang sudi membantu.

"Beliau mengambil segala dokumen dan menolong saya mengisi borang. Akhirnya saya diterima masuk universiti itu," katanya yang akhirnya berbangga dapat menggenggam Ijazah Politik dan Pemerintahan dari Fakulti Sains Sosial UNIMAS. Selepas menamatkan pengajian, beliau dan beberapa

anak Penan yang mencari rezeki di Kuching menubuhkan Persatuan PADE Penan Sarawak pada 2004 bertujuan membantu anak kaum itu dalam memberi penerangan mengenai peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Bertitik tolak pengalaman saya dan beberapa orang Penan di sini, kami tubuhkan PADE yang bermaksud persaudaraan dalam bahasa Penan. Selain itu, singkatan PADE juga membawa maksud 'People Association Development Education'," katanya.

Walaupun menetap di Kuching hampir 10 tahun, Ezra masih lagi mengekalkan gaya rambut tradisional lelaki Penan yang dikenali Teba' dan menegaskan, beliau bangga dengan fesyen rambut sedemikian yang semakin dilupakan generasi muda kaum berkenaan.

"Sepanjang di Kuching, saya tidak pernah jumpa mana-mana individu mempunyai gaya rambut seperti ini, tetapi pernah terserempak seorang pemuda di pusat beli-belah menggayakan rambut seperti Teba', namun dia bukan orang Penan," katanya.

Ezra berkata, kekangan utama adalah kesukaran mengubah mentaliti kaum Penan yang berjumlah sekitar 18,000 orang di seluruh Sarawak untuk mencintai ilmu dan mengubah cara hidup 'kais pagi makan pagi'.

"Kaum Penan perlu berani menerima perubahan, tidak semestinya menjadi bangsa lain untuk maju. Mereka hanya perlu mengubah mentaliti, tapi itu yang sukar," katanya.